

**Bahasa dan Pemikiran Melayu Abad ke-19 Berdasarkan Buku
'Vocabulary of the English and Malay Languages with Notes' oleh
Frank. S Swettenham**

Shamsul Aizuwani Nawi^{1*} dan Celinea anak Lasan¹

¹Jabatan Pengajian Melayu, Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu, Kuala Lumpur.

ABSTRAK

Pemikiran Melayu disampaikan secara tersurat dan tersirat dalam dialog yang dipertuturkan oleh orang Melayu. Pemikiran yang dizahirkan melalui dialog menyerahkan satu gambaran nilai sosial, nilai moral dan fungsi adat dalam kehidupan bermasyarakat sekali gus menonjolkan falsafah bangsa Melayu yang ada kaitannya dengan metafizik, epistemologi, etika, logik, dan estetika hasil interaksi mereka terhadap alam benda, alam flora dan fauna yang ada di sekeliling mereka. Sehubungan itu, tulisan ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan bahasa dan pemikiran Melayu menggunakan Hipotesis Sapir-Whorf. Data dikumpul daripada buku *Vocabulary of The English and Malay Languages with Notes*. hasil kajian mendapati dialog yang terdapat dalam buku ini memaparkan pemikiran Melayu dalam lima kategori falsafah iaitu pemikiran tentang kewujudan(metafizik), pemikiran tentang ilmu pengetahuan (epistemologi), pemikiran tentang moral manusia (etika), pemikiran tentang penaakulan manusia terhadap alam(logik) dan pemikiran tentang keindahan(estetika). Kajian ini juga membuktikan terdapat hubungan bahasa dan pemikiran dalam dialog Melayu abad ke-19 sebagaimana yang dinyatakan dalam Hipotesis Sapir-Whorf.

Kata Kunci: Melayu, Dialog, Pemikiran, Hipotesis Sapir-Whorf.

ABSTRACT

Malay communicated thoughts expressed and implied in the dialogue spoken by Malays in late of 19th Century. The consolidation of thinking through dialogue highlight a picture of social values, moral values and customary function in community living at the same time highlighting the philosophy of Malays who have relation to metaphysics, epistemology, ethics, logic, aesthetics and interaction results in the realm of things, thus flora and fauna around them. In this regard, this writing is intended to identify the relationship of language and mind using Sapir-Whorf Hypothesis. Data gathered from the book *Vocabulary of The English and Malay Languages With* written by frank S. Swettenham in 1889. The study found that there is a dialogue in this Book displays a mind in five categories of philosophy that is thinking about existence (metaphysics), thinking about knowledge (epistemology), thinking about human morality (ethics), thinking about the nature of human reasoning (logic) an thought about beauty (aesthetics). This study also proves there was language and thought in dialogue 19th-century Malay as specified in the Sapir-Whorf Hypothesis.

Keywords : Malays, Dialogue, Thought, Sapir-Whorf Hypothesis.

PENDAHULUAN

Bahasa bukan sekadar memberi identiti kepada bangsa dan budaya para penuturnya, malahan turut mempengaruhi cara berfikir orang Melayu. Kemajuan fikiran manusia tidak dibatasi oleh bahasa, sebaliknya yang menentukan kemajuan bahasa ialah pemikiran manusia. Justeru bahasa

*Koresponden: shamsulaizuwani@gmail.com

Melayu mendukung perkembangan ilmu dan pemikiran bangsa sebagai suatu alat komunikasi masyarakat. Bahasa dapat menghubungkan manusia dalam masyarakat dan menyampaikan idea yang tersimpan dalam fikiran. walaupun terlalu banyak fikiran yang tersimpan dalam otak manusia, namun ia masih juga mampu disampaikan dengan mudah melalui penggunaan bahasa. Sesungguhnya bahasa merupakan alat yang menjadi saluran untuk memudahkan komuniti dalam kalangan manusia (Khairuddin et al 2014).

Sebenarnya wujud hubungan yang erat antara fikiran dan bahasa. Perhubungan yang dimaksudkan adalah melibatkan fikiran yang terkandung dalam bahasa dan hubungan kedua ialah bahasa sebagai wahana pemikiran. Malahan cara sesebuah masyarakat melihat alam sekitarnya adalah dibayangi oleh corak sistem dan struktur bahasanya (Hashim Musa 1994) Bagi Asmah (1986), fikir ialah suatu kegiatan yang berlaku dalam otak manusia apabila berhadapan dengan sesuatu keadaan, perbuatan dan sebagainya. Hasil daripada pemikiran itu adalah fikiran dan fikiran itu dilontarkan melalui dialog.

Dialog ialah bentuk kegiatan yang paling asas yang dilakukan oleh manusia untuk menjalin hubungan antara satu dengan yang lain. Menerusi dialog manusia dapat saling mengungkapkan fikiran dan perasaannya. Selain itu saling dapat bertukar informasi dan memenuhi keperluannya. Menurut Ghazali Basri (1990) dialog adalah suatu bicara komunikasi antara dua pihak atau lebih sama ada secara formal atau tidak formal. Selain itu dialog bukannya semata-mata suatu siri perbicaraan malahan ia adalah suatu cara berfikir yang baru; satu cara melihat alam dan kehidupan serta maknanya. Sejajar dengan itu, menerusi dialog dapat dikaji struktur sosial bangsa Melayu lama, sikap, aktiviti kehidupan serta falsafah hidup yang mereka anuti. Namun sejauh manakah bahasa yang terakam dalam bentuk dialog ini membentuk dan mengawal pemikiran penuturnya serta cara bahasa merefleksikan pandangan mereka tentang dunia?

Justeru kajian ini cuba membincangkan sejauh mana bahasa yang dituturkan oleh orang-orang Melayu pada akhir abad ke-19 menerusi dialog yang dapat menggambarkan pemikiran penuturnya tentang dunia dan budayanya. Kajian ini memilih dialog yang terkandung dalam A Vocabulary of The English and Malay Languages with Notes kerana buku ini diterbitkan pada tahun 1889 dan mengandungi sebanyak 21 latar dialog dalam 25 muka surat. Sebahagian besar dialog dalam buku ini ialah komunikasi dua hala antara Frank S. Swettenham sendiri bersama orang-orang Melayu dalam latar yang berbeza iaitu *the weather, time, the road, conversation with a cook, conversations with a boy, conversations with a syce, conversation with a gardener, table talk, conversations with a washerman, conversations with a tailor, conversations with a shoemaker, conversations with a joiner & c, in the bazaar, on the river, in the jungle, at sea, shooing, during disturbances, conversations with a Raja, conversations with a sick man, dan opening a plantation* yang dapat mewakili sebahagian latar hidup dan pemikiran Melayu pada waktunya tersebut.

Hubungan antara bahasa dan pemikiran yang terpancar dalam dialog tersebut dibincangkan menggunakan hipotesis Sapir-Whorf. Aspek bahasa dan pemikiran dalam buku ini dibincangkan oleh penulis mengikut lima bidang falsafah iaitu metafizik, epistemologi, etika, logik dan estetika. Apabila terbukti adanya hubungan bahasa dan pemikiran dalam dialog ini akan membolehkan hipotesis Sapir-Whorf diterima dan begitu juga sebaliknya.

Vocabulary of the English and Malay Language with Notes Vol.1

Buku setebal 224 halaman ini memuatkan 5500 kosa kata dalam bahasa Inggeris dan padanannya dalam bahasa Melayu yang menggunakan huruf Rumi bahasa Melayu dan disusun menurut susunan abjad. Pada bahagian akhir buku ini, terdapat 21 bab perbualan atau dialog dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Dialog yang ditulis ini sebahagian besarnya ditulis

berhubung dengan kisah pengembalaan beliau di negeri-negeri Melayu dan ditulis dalam jangka masa yang berbeza-beza.

Buku ini dihasilkan dengan tiga matlamat utama iaitu mengumpulkan kosa kata yang kerap ditemukan dalam pertuturan, tulisan dan pembacaan, memberikan padanan dalam bahasa Melayu dengan menggunakan huruf Melayu (Arab), menurut ejaan dan cara penulisan yang betul penggunaannya dalam karangan Melayu dan yang paling penting mengemukakan tulisan Rumi bahasa Melayu menurut cara penyebutan yang betul. Buku yang dihasilkan oleh Swettenham ini menjadi sumber yang menarik dalam konteks perkamusian dan etimologi. Dalam ‘preface’, Swettenham menyebut bahawa tujuan mengusahakan buku ini adalah kerana “*necessity of acquiring some knowledge of Malay.*” Selain itu, buku ini juga turut disusun untuk “*to compile a vocabulary which should contain every word likely to be met with in ordinary reading, writing or conservation.*”

PERMASALAHAN KAJIAN

Pemikiran ialah sesuatu yang terbuku di fikiran dan cuba diluahkan dengan menggunakan wahana yang tertentu (Zurakintan 2015). Semuanya ini terzahir melalui wahana bahasa yang berperanan dalam menyampaikan maksud yang dikehendaki. Dialog merupakan komunikasi yang mendalam yang mempunyai tingkat dan kualiti yang tinggi yang mencakupi kemampuan untuk mendengar dan memahami antara satu sama lain (Sora, 2015).

Kajian-kajian mengenai bahasa dan pemikiran seperti kajian Zurakintan & Che Ibrahim (2015) tentang pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu, Zaitul Azma & Ahmad Fuad (2011) mengenai bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu dan Aziz Deraman (2007) mengenai pengukuhan bahasa dan pemikiran Melayu serantau tidak membincangkan pemikiran Melayu yang terpancar melalui dialog. Apatah lagi berlatarbelakangkan abad ke-19. Justeru tulisan ini cuba membincangkan sejauh mana dialog oleh bangsa Melayu sejak zaman dahulu lagi dapat menggambarkan pemikiran penuturnya tentang dunia dan budayanya.

Dalam tulisan ini penulis juga cuba membincangkan hubungan bahasa dan pemikiran yang terpancar dalam dialog Melayu abad ke-19 menggunakan hipotesis Sapir-Whorf. Aspek bahasa dan pemikiran dalam dialog Melayu abad ke-19 ini dibincangkan oleh penulis mengikut lima bidang falsafah iaitu metafizik, epistemologi, etika, logik dan estetika. apabila terbukti adanya hubungan bahasa dan pemikiran dalam dialog Melayu, akan membolehkan hipotesis Sapir-Whorf diterima dan begitu juga sebaliknya.

METODOLOGI

Data utama kajian ini ialah dialog yang terdapat dalam buku *Vocabulary of The English and Malay Languages with Notes* yang menggambarkan pemikiran Melayu. Penelitian terhadap aspek pemikiran dilakukan berdasarkan lima bidang falsafah iaitu metafizik, epistemologi, etika, logik dan estetika. Sebagai analisis, pengkaji mengaitkan lima bidang itu dengan hipotesis Sapir-Whorf. Penelitian ini adalah penelitian kualitatif-fenomenologis. Berasaskan pemikiran falsafah fenomenologi, pendekatan ini mengkaji dan menjelaskan makna pengalaman manusia melalui deskripsi yang mendalam tentang sesuatu konsep atau fenomena yang dikaji. Dengan yang demikian, data penelitian adalah adalah terdiri daripada kata, frasa dan klausa yang dikumpul oleh penulis berdasarkan buku *Vocabulary of The English and Malay Languages with Notes oleh Frank A Swettenham*. Buku ini dipilih kerana mengandungi bahagian dialog yang mengandungi 21 bab ditulis dalam masa yang berlainan selama empat tahun dan merupakan kutipan pengalaman beliau semasa mengembala ke negeri-negeri Melayu. Dialog ini menurut Swettenham dipaparkan sebagai contoh-contoh perbualan dalam kalangan orang Melayu dan

beliau mengharapkan dengan penelitian mendalam terhadap dialog yang disertakan akan dapat "do more than any grammatical instructions to give a learner facility in expressing himself in this most ungrammatical but most idiomatic language." Kesemua 21 bab dialog dalam buku ini akan dibuat penelitian oleh penulis bagi melihat sama ada terdapat hubungan bahasa dan pemikiran Melayu.

Teori Relativiti Linguistik dan Hipotesis Sapir-Whorf

Teori Relativiti Linguistik yang menjadi dasar Hipotesis Sapir-Whorf (1921) menyatakan bahawa terdapat hubungan antara bahasa, budaya dan pemikiran manusia. Dengan perkataan lain, tanggapan atau pemikiran dan tindakan seseorang itu bergantung kepada struktur dan kosa kata dalam bahasanya yang digunakan untuk berfikir dan menanggapi sesuatu. Dengan yang demikian bahasa turut mempengaruhi tingkah laku penuturnya. Penekanan "*the structure of the languages we speak affects the way we perceive the world about us*" menjelaskan bahawa struktur sesuatu bahasa itu menggambarkan cara penutur memandang dunianya dan bagaimana budaya mempunyai hubungan dengan bahasa (Jufrizal, Zul Amri & Refnaldi:2007).

Teori Relativiti Linguistik yang dipelopori oleh Boas, Sapir dan Whorf menyatakan bahawa orang berbicara dengan cara yang berbeza kerana mereka berfikir dengan cara yang berbeza. Maka berfikir dengan cara yang berbeza kerana bahasa mereka menawarkan cara mengungkapkan makna tentang dunia persekitaran mereka dengan cara yang berbeza juga. Sejak dengan itu Hipotesis Sapir-Whorf juga menjelaskan penggabungan linguistik, iaitu bahasa menentukan pemikiran dengan relativiti linguistik iaitu tidak ada batasan pada kepelbagaiannya struktural sesuatu bahasa. dengan perkataan lain, bahasa ditentukan dengan cara penutur itu berfikir. cara seseorang penutur berfikir dan melihat bahasa tergambar menerusi penggunaan perkataan-perkataan itu dengan lebih meluas. Hal ini kerana penutur cuba memaksimumkan fungsi sesuatu perkataan untuk mengungkapkan idea yang hendak disampaikan seperti dalam dialog yang dipaparkan. Juga struktur bahasa yang dilahirkan adalah bukti yang mempengaruhi cara seseorang itu berfikir dan berperilaku. Bahasa dapat dikatakan sebagai bahagian integral iaitu yang perlu atau yang menjadi sebahagian daripada hidup manusia. bahasa menyerap dalam setiap fikiran dan cara penutur memandang dunianya.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dari sejumlah dialog yang dikaji didapati terdapat unsur pemikiran yang melatari setiap peribahasa yang diungkapkan. Hal ini sejajar dengan Hipotesis Sapir-Whorf (1921) yang menjelaskan bahawa bahasa menentukan pemikiran penuturnya. Cara seseorang penutur itu berfikir tergambar menerusi penggunaan perkataan-perkataan itu dengan lebih meluas. Bahasa dalam peribahasa Melayu ternyata mempunyai hubungan rapat dengan pemikiran orang Melayu dalam lingkungan sejarah kebudayaan, geopolitik, geobudaya dan alam sekelilingnya.

Pemikiran tentang kewujudan (Metafizik)

Dalam dialog ini, aspek pemikiran Melayu tentang kewujudan melibatkan pemikiran tentang hubungan manusia dengan agama dan pencipta-Nya. Persoalan pemikiran ini terpancar dalam dialog yang memaparkan isu-isu kehidupan yang berasaskan ajaran agama Islam. Pemikiran tentang kewujudan ini merangkumi aspek-aspek akidah dan cara hidup yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Antara dialog yang mengungkapkan pemikiran tentang kewujudan ini dapat dikaitkan dengan tema keagamaan seperti berikut :

Data	Dialog
D1	<p>Bûrong sudah jâtoh, këna sâiapnya, nanti dia lâri, hambat lëkas.</p> <p>Dâpat, Tûan, këna di dada mâti langsong.</p> <p>Mâna mâna yang bûlûm mâti lâgi sëmblehkan dia, bûlih kita ôrang Islâm mâkannya.</p>

Dalam kehidupan beragama, masyarakat Melayu berpegang dengan ajaran Islam. Kepercayaan beragama ini turut terselit dalam dialog yang berkisar tentang sembelihan dalam Islam. Islam menetapkan haiwan yang hendak dijadikan makanan wajib disembelih mengikut syarak. Penyembelihan merupakan satu kegiatan bagi mengakhiri hidup haiwan untuk membersihkannya dari darah dengan menggunakan senjata tajam dan memenuhi syarat-syarat penyembelihan (JAKIM 2013). Dialog D1 secara tidak langsung melambangkan kepatuhan masyarakat Melayu kepada suruhan Pencipta-Nya. Hal ini juga menonjolkan pemikiran masyarakat Melayu yang menuntut penganutnya agar taat dan patuh dalam perihal beragama.

Data	Dialog
D2	<p>Dûa pûloh lâpan juz sudah dibâcha, âdâ dûa juz yang bûlûm bâcha lâgi.</p> <p>Kalau ânak ôrang baik-baik ta'bûlih tîdak mahu khatam Korân.</p>

Membaca al-Quran ialah satu ibadah yang mulia dan mempunyai banyak kelebihan. Al-Quran diturunkan kepada manusia agar mereka berfikir, memerhati, memahami dan beramal dengan tuntutannya. Kelebihan khatam al-Quran turut dicatatkan dalam hadis riwayat Ad-Dalimi maksudnya :

Barang siapa membaca al-Quran kemudian berdoa sesudahnya (khatam), nescaya turut mengucap aminkan doanya oleh para 4000 malaikat

Justeru data dalam D2 menonjolkan masyarakat Melayu amat mementingkan, malah mewajibkan khatam Quran terutama bagi anak-anak bangsawan. Dialog D1 dan D2 secara tidak langsung melambangkan bahasa yang ada dalam pemikiran masyarakat Melayu tentang kehidupan beragama. Secara tersirat pemikiran Melayu menuntut masyarakatnya agar taat dan patuh kepada ajaran Islam. Hal ini menepati pernyataan Sapir-Whorf iaitu bahasa ialah untuk kegunaan dalam bahasa itu sebagai satu daripada ciri kepelbagaiannya sesuai dengan cara penutur itu berfikir. Bahasa mempengaruhi pemikiran penutur tentang agama dan Pencipta-Nya. Daripada agama yang dianuti, masyarakat Melayu berfikir dalam bahasanya dan seterusnya menzahirkannya dalam dialog sebagai mesej dan pengajaran kepada ahli masyarakatnya.

Pemikiran tentang ilmu pengetahuan (epistemologi)

Bangsa Melayu yang beragama Islam menitikberatkan ilmu pengetahuan untuk membentuk dan menyuburkan fikiran bangsanya. Ilmu adalah inti pati yang terpenting dalam pembangunan insan, apatah lagi dalam mengesahkan ibadah kepada yang Maha Esa. Sementelah menuntut ilmu adalah sejajar dengan matlamat Islam yang membudayakan iqra' berdasarkan ayat pertama yang diturunkan di gua Hira'. Hukum menuntut ilmu ialah fardu 'Ain iaitu kewajipan yang mestи dilaksanakan oleh semua individu. Dengan itu, lahirlah pemikiran-pemikiran mengenai kepentingan tuntutan ilmu. Antara dialog yang mengungkapkan kepentingan ilmu pengetahuan adalah seperti berikut :

Data	Dialog
D3	<p>Barangkali tidak ada adik kakak yang satu bapa satu mak dengan Tunku? Ada juga, Tuan, kakak satu yang sudah nikah pada Raja MAHMUD, dan adik jantan satu yang bulum besar lagi, tengah mengaji dia. Bulum khatam lagi Bulum lagi tuan. Dua puloh lapan juz sudah dibacha, ada dua juz yang bulum bacha lagi. Kalau bulan puasa, bacha Koran tengah mejelis, kemdian kita ta'tau mmbacha, malu skali (ms 70) Kalau naka orang baik-baik ta'bulih tidak mahu khatam Koran</p>

Daripada dialog D3 jelas menunjukkan pemikiran masyarakat Melayu yang mengutamakan kepentingan menuntut ilmu terutama ilmu agama. Pemikiran masyarakat Melayu yang beragama Islam meletakkan ilmu mengaji dan al-Quran sebagai ilmu yang asas dan wajib dipelajari. Sejarah dengan itu kandungan pemikiran yang diungkapkan dalam dialog menyarankan pendidikan diberikan sejak kecil. Masyarakat Melayu harus menguasai ilmu mengaji al-Quran sebelum mereka dewasa. Ini diungkapkan dalam dialog berikut "adik jantan satu yang bulum besar lagi, tengah mengaji dia." Dialog 'bulum besar lagi" jelas menunjukkan bahawa individu tersebut masih kanak-kanak kerana kata 'belum' menurut Kamus Dewan (1995:157) ialah masih tidak, lwn sudah. Selain itu, dialog ini juga menunjukkan bahawa masyarakat Melayu menyedari kepentingan ilmu dan memberikan pendidikan sejak kecil kepada anak-anak mereka.

Malah kepentingan menuntut ilmu mengaji al-Quran sangat dituntut dalam masyarakat Melayu, malah mereka berasa malu sekiranya tidak menguasai ilmu mengaji al-Quran sebelum mereka dewasa. Ini kerana terdapat majlis-majlis tertentu yang mengehendaki mereka untuk mengaji al-Quran semasa majlis berlangsung seperti yang diungkapkan dalam dialog "Kalau bulan puasa, bacha Koran tengah mejelis, kemdian kita ta'tau mmbacha, malu skali".

Rumusannya pemikiran masyarakat Melayu pada abad ke-19 yang menyentuh perihal menuntut ilmu adalah berteraskan ilmu agama terutama mengaji al-Quran. Mengaji al-Quran adalah sangat dituntut dalam agama Islam seperti yang disebutkan dalam surah al-Alaq ayat 1-5 yang bermaksud :

"Bacalah dengan nama Tuhanmu yang telah menciptakan (sekalian makhuk). Ia telah menciptakan manusia dari segumpal darah. Bacalah dan Tuhanmu amat pemurah. Yang mengajarkan kepada manusia apa-apa yang tiada diketahuinya."

Sementelah agama Islam telah menjadi ikutan masyarakat Melayu sejak abad ke-13 (Abd Jalil 2014), maka seluruh kehidupan dan pencarian ilmu masyarakat Melayu adalah berteraskan ajaran Islam. Sesungguhnya Islam amat memandang tinggi orang yang berilmu serta meletakkan ilmu di tempat tertinggi dalam sistem nilai hidup manusia (Zurakintan 2015). Dalam dialog ini, ketegasan masyarakat Melayu dalam menuntut ilmu agama dan mengaji al-Quran dapat dilihat apabila mereka malu jika seseorang anak tidak dapat menguasai ilmu mengaji sebelum mereka dewasa. Hal ini menjelaskan bahawa aspek bahasa yang terpancar melalui dialog berhubungan erat dengan pemikiran dan budaya masyarakat Melayu yang memandang tinggi usaha mempelajari ilmu sejak kecil. Justeru data yang terdapat dalam D3 ini membenarkan Hipotesis Sapir-Whorf yang menyatakan pola-pola pemikiran manusia dipengaruhi oleh budaya setempat penutur bahasa itu. Oleh itu, bahasa dalam dialog turut memadukan ilmu pengetahuan dan kepercayaan masyarakat Melayu sebagai asas tingkah laku dan kehidupan yang berteraskan agama Islam dan budaya setempat.

Pemikiran tentang tingkah laku dan moral manusia (etika)

Dalam hubungan manusia dengan manusia, pemikiran Melayu juga mengaitkan isu-isu tentang tingkah laku dan moral manusia. Moral ialah satu sistem yang menilai tindakan zahir manusia. Persoalan moral mencakupi pemikiran, perasaan dan niat di hati manusia dengan manusia dan nilai-nilai moral ini adalah bersifat relatif, subjektif dan sementara. Sejajar dengan itu, perbezaan antara tindakan bermoral dengan tindakan yang tidak bermoral turut diungkapkan dalam buku ini. Malah segala tindakan ahli masyarakat yang wajar dilakukan dan tidak wajar dilakukan juga diungkapkan dalam dialog sebagai ganjaran dan teladan supaya ahli masyarakat dapat mempraktikkannya demi mencapai kesejahteraan hidup. Antara dia yang mengungkapkan perihal tingkah laku dan moral manusia adalah seperti dalam dialog yang berikut :

Data	Dialog
D4	<p>Mari chuba sahya rasa nadi Datoh. Datoh mengisapkah? Sikit-sikit, Tuan. Brapa kali sa'hari Datoh mengisap? Pagi skali. Malam skali.</p>

Kehidupan masyarakat Melayu, walaupun berteraskan ajaran Islam masih diseliputi dengan budaya negatif seperti perbuatan ‘mengisap’ yang ditunjukkan dalam D4. Perbuatan ‘mengisap’ dalam konteks ini dapat didasarkan kepada dua perbuatan iaitu menghisap rokok atau candu. Walau apa sekali tafsiran perbuatan ‘mengisap’ itu, kelakuan tersebut tetap menunjukkan nilai moral yang rendah dan menyalahi ajaran Islam. Apatah lagi jika perbuatan tersebut dilakukan oleh seorang yang berusia seperti Datoh yang terakam dalam D4.

Daripada contoh dialog D4, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan antara bahasa dengan pemikiran Melayu yang berkait rapat dengan tingkah laku dan moral manusia seperti dalam Hipotesis Sapir-Whorf, iaitu cara manusia berfikir dan memandang dunianya adalah dipengaruhi oleh bahasanya. Justeru nilai-nilai moral positif dan negatif yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tergambar dalam dialog yang mereka tuturkan. Ini juga menunjukkan pemikiran dan kebahasaan bangsa Melayu yang terkandung dalam dialog adalah bersifat humanistik dan realistik.

Pemikiran tentang penaakulan manusia terhadap alam (logik)

Persoalan tentang logik adalah sesuatu yang diungkapkan dengan mengaitkan fenomena alam keliling dengan usaha, usia, kebendaan, dan kehidupan. Persoalan logik ini ternyata dapat diterima oleh akal. Logik juga merujuk kepada sesuatu fikiran yang dapat diterima akal atau munasabah. Pemaparan logik dalam dialog ini dapat dilihat dalam contoh yang berikut :

Data	Dialog
D5	<p>Di mana kualanya Inilah kualanya Sahya muh mudik, bulihkah dapat prau di sini Apa macham prau tuan mau? Sampan, ketiap, prau, sagor Kalau muh mudik senang baik pakai ketiap. Bulihkah mudik berkajang mati? Sampei Kuala Labu sejaja tuan disitu muh buka kajang Auat Mengapa Kenapa Sebeb sungai ini deri Kuala Labu ka'ulu banyak semak Banyak susah itu</p>

Yah tapi bulih berpayung
Sekarang ayer surut, lebih baik nanti ayer pasang bharu bulih mudik senang (ms 48)

Daripada data D5 dapat dilihat kemampuan masyarakat Melayu meneroka dan menilai hubungan sebab akibat daripada kejadian alam. Masyarakat Melayu memahami penggunaan perahu yang sesuai berdasarkan keadaan sungai seperti penggunaan sampan ketiap bagi menelusuri laluan sungai yang dipenuhi semak. Begitu juga masyarakat Melayu mengerti akan keadaan air sungai pasang baru sesuai untuk memulakan perjalanan berperahu. Ini membuktikan bahawa setiap tindakan masyarakat Melayu dalam mengatur hidup telah menyerahkan unsur kreativiti mereka

Data	Dialog
D6	<p>Bawa kajang dua tiga bidang, lagi tiker bantal dengan kalambu, bulih kita tidor senang sedikit.</p> <p>Barangkali rumput basah, lebih baik Tuan bawa kain getah juga.</p> <p>Jangan bawa barang banyak, susah skali memikul barang dalam rimba.</p> <p>Rimba sedikit, Tuan, bluker yang banyak. Bluker yang terlebih susah sebab panas.(ms53)</p>

Daripada D6, pemikiran masyarakat Melayu mengetahui secara logik hukum alam bahawa di dalam hutan yang rumputnya basah maka persediaan mesti dilakukan dengan membawa kain getah sebagai alas tidur. Hal ini kerana kain yang disalut dengan larutan getah boleh menjadikan kain kedap air. Begitu juga masyarakat Melayu sedia memahami hukum logik keadaan hutan di sekeliling mereka yang dipenuhi oleh belukar dan bukannya rimba. Belukar ialah tanah yang ditumbuhi pokok-pokok kecil, hutan kecil; (Kamus Dewan 2005:157) manakala rimba ditakrifkan sebagai hutan besar (yg belum pernah dibuka manusia). Pemikiran masyarakat Melayu dan bahasanya adalah berhubungan serta berupaya mencakup sesuatu dengan meluas dan mendalam tentang latar hidup yang mereka lalui sejak kecil iaitu kawasan hutan rimba berdasarkan data D6. Situasi ini membenarkan hipotesis Sapir-Whorf iaitu cara penutur memandang dunianya dan pola fikiran mereka dipengaruhi oleh bahasa pertamanya.

Data	Dialog
D7	<p>Adakah banyak pachat disini?</p> <p>Kalau hari hujan banyak, kalau musim panas tidak</p> <p>Pachat pun susah, tetapi lintah terlebih jahat. Kalau lekat dua tiga ekor lintah itu, barangkali di minum darah dekat satu chupak</p> <p>Tid' apa, sudah kennyang dia jatoh juga (ms54)</p>

Data D7 pula menunjukkan pemikiran logik masyarakat Melayu tentang hukum alam sejenis binatang iaitu pacat. Pacat merupakan haiwan ektoparasit iaitu parasit di luar perumah yang boleh menghisap darah sebanyak tiga kali ganda berat badannya. Masyarakat Melayu secara logik mengetahui pacat akan ada dengan banyak pada musim hujan. Begitu juga hukum alam bahawa pacat akan jatuh sendiri dari mangsanya apabila sudah kenyang menghisap darah turut difahami secara jelas dan logik oleh masyarakat Melayu. Dialog tersebut jelas menyentuh persoalan logik yang melibatkan hukum alam semesta yang menentukan sifat dan habitat setiap organisma.

Data	Dialog
D8	<p>Ada dua tiga kelamin orang Jambi bharu menebaskan utan buat ladang</p> <p>Apa dia mahu tanam?</p> <p>Padi huma, Tuan</p> <p>Mana baik, padi humakah padi bendangkan (sawahkah)?</p> <p>Padi sawah yang baik, Tuan, lagi banyak dapat (ms55)</p>

Data yang ditunjukkan dalam D8 memancarkan persoalan logik tentang penanaman padi di kawasan hutan. Latar belakang kehidupan masyarakat Melayu yang membesar berdasarkan cara hidup sara diri dan pertanian menyebabkan mereka memahami hukum alam bahawa padi bendang lebih baik ditanam berbanding padi huma kerana hasilnya yang lebih banyak. Hal ini sekali gus telah menyokong hipotesis Sapir-Whorf yang menyatakan bahawa budaya masyarakat tercermin dalam bahasa yang digunakan kerana mereka memiliki segala sesuatu dan melakukannya dengan cara tertentu untuk mencerminkan apa-apa yang mereka nilai dan apa-apa yang mereka lakukan terbukti benar.

Pemikiran tentang keindahan (estetika)

Selain pemaparan logik, dialog Melayu turut memaparkan nilai estetikanya. Kata estetika berasal daripada kata Yunani *aesthesia* yang bererti perasaan, selera perasaan atau taste. Estetika yang dimaksudkan ialah cabang falsafah yang mengkaji konsep yang berkaitan dengan keindahan, cita rasa dan lain-lain (myant2526.blogspot.my). Dengan kata lain, estetika merupakan salah satu cabang falsafah ilmu yang membahaskan aspek keindahan, cara sesuatu itu terbentuk, dan bagaimana seseorang itu dapat merasakannya melalui nilai sensitiviti yang dianggap sebagai penilaian terhadap sentimen dan rasa (Zaitul Azma & Ahmad Fuad:2011). Dalam buku ini, nilai estetika dan keindahan ini terpancar melalui bahasa yang digunakan.

Nilai estetika dan keindahan ini dapat dirujuk dalam dialog yang berikut :

Data	Dialog
D9	<p>sungguh, tetapi malamnya sejuk juga Yah, karana malam hari selalu ada sedikit angin Sahya suka udara sini. Kalau hujan bharu sedap skali Yah kalau hujan sedikit, kalau banyak tidak</p>

Dalam D9, memaparkan nilai cita rasa masyarakat Melayu yang selesa dengan suasana malam yang dingin dengan sedikit angin dan hujan. Suasana yang dingin merujuk kepada suhu yang rendah apabila dibandingkan dengan suhu tubuh manusia, tidak panas; sejuk (Kamus Dewan, 2015:353). Data D9 menunjukkan bahawa masyarakat Melayu begitu menghargai suasana malam yang dingin yang merupakan satu nilai estetika tentang suasana kepada mereka. Daripada penelitian terhadap data D9, dapat dilihat bahawa nilai estetika turut mendominasi bahasa dan pemikiran Melayu dalam memancarkan unsur keindahan alam.

Implikasi Dapat Kajian

Dalam hal ini bahasa adalah entiti mental yang wujud dalam pemikiran setiap individu, Melalui penggunaan bahasa yang ringkas tetapi mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri sesuatu konsep yang dibina dalam pemikiran diterjemahkan dalam bentuk dialog yang tampak relevan dengan *worldview* masyarakat Melayu tradisional. Penggunaan perkataan yang menggambarkan latar kehidupan masyarakat Melayu tradisional yang terlibat dengan aktiviti pertanian sara diri, padi, hutan rimba, angin, malam, cuaca, secara kolektifnya menggambarkan ketajaman kognisi masyarakat Melayu memanipulasi unsur alam untuk kelangsungan hidup mereka. Struktur bahasa yang dizahirkan melalui dialog adalah bukti yang mempengaruhi cara masyarakat Melayu berfikir dan berperilaku.

Dialog dalam buku ini memaparkan pola-pola dalam pemikiran masyarakat Melayu yang merujuk objek dan perlakuan secara benar dan bersifat objektif. Pendidikan keagamaan, kepentingan ilmu pengetahuan, ekonomi, hukum logik dan keindahan, dalam pemikiran dizahirkan dalam bentuk dialog yang mudah difahami. Daripada dialog-dialog yang dibincangkan, jelas menyingkap hubungan logik antara bahasa, budaya dan pemikiran

masyarakat penuturnya. Hal ini menunjukkan sesuatu yang timbal balik iaitu budaya juga mempengaruhi bahasa dan pemikiran penuturnya, sekali gus membuktikan struktur bahasa yang dilahirkan dalam dialog adalah bukti yang mempengaruhi cara bangsa Melayu berfikir dan berperilaku. Justeru dialog digunakan untuk menyampaikan dan menerangkan sesuatu konsep, peristiwa, idea nasihat, ilmu pengetahuan, kemahiran, pengalaman hidup dan sebagainya. Secara jelasnya hubungan bahasa dengan pemikiran yang terpancar dalam bentuk dialog ialah adalah benar dan terjadi secara sistematis dan logik. Dengan demikian hipotesis Sapir-Whorf dapat diterima melalui kajian ini.

KESIMPULAN

Dialog merupakan rakaman pemikiran masyarakat Melayu abad ke-19 yang diungkapkan menggunakan bahasa dengan bersumberkan alam flora, alam fauna, alam benda dan alam semesta bagi menyampaikan nilai, cara hidup, gaya hidup dan sebagainya. Hal ini dikukuhkan lagi dengan ajaran Islam yang menjadi pegangan hidup masyarakat Melayu menunjukkan hasil penaakulan masyarakat Melayu terhadap latar dan cara hidup mereka. Sehubungan itu, penelitian terhadap dialog masyarakat Melayu abad ke-19 ini telah dapat menjawab bahawa bahasa menentukan pola pemikiran masyarakat Melayu. Hal ini sejajar dengan pernyataan hipotesis Sapir-Whorf yang menyatakan bahasa tidak hanya menentukan kebudayaan tetapi juga menentukan bentuk pemikiran penuturnya.

Hipotesis Sapir-Whorf menyatakan persepsi manusia dipengaruhi oleh pola-pola dalam bahasa mereka. Adalah pada mulanya lebih sukar memahami aliran fikiran ini kerana orang mengalami kesukaran menerima kenyataan bahawa bahasa berperanan mencipta alam nyata bagi penuturnya dan dengan demikian mempengaruhi penglihatan dunia mereka dan bukan sebaliknya, yakni mencerminkan penglihatan dunia dan kehidupan mereka. Menurut Asmah (1986) "bahasa yang kaya dalam perbendaharaan kata persawahan tentunya dituturkan oleh orang-orang yang mata pencarinya itu dalam bidang persawahan. Ini menunjukkan bahawa disebabkan bahasanya begitu kaya dalam bidang berkenaan, maka penutur-penuturnya mampu melakukan pengkategorian sehalus-halusnya dalam segala bidang persawahan, dibandingkan dengan rakan-rakan mereka yang tidak terlibat dalam kehidupan seperti itu. Justeru bagi Sapir bahasalah yang menentukan pembentukan fikiran berdasarkan bentuk-bentuk dan golongan-golongan yang ada di dalamnya

Pernyataan Sapir-Whorf yang menyatakan bahawa budaya masyarakat tercermin dalam bahasa yang digunakan masyarakat kerana mereka memiliki segala sesuatu dan melakukannya dengan cara tertentu untuk mencerminkan apa-apa yang mereka nilai dan apa-apa yang mereka lakukan terbukti benar. Aspek keindahan alam yang ditonjolkan dalam dialog telah menyerlahkan wacana kebahasaan yang terkandung dalam pemikiran penuturnya iaitu bangsa Melayu. Hal ini sekali gus membuktikan bahasa mempengaruhi cara seseorang itu berfikir dan berperilaku. Bahasa menyerap dalam setiap fikiran penutur dan penutur menzahirkannya secara bijaksana ketika mengungkapkan sesuatu yang dialaminya dalam menempuh kehidupan mereka. Selain itu, penekanan terhadap struktur bahasa yang diungkapkan oleh penutur turut menentukan persepsi penutur terhadap dunia dan realitinya yang sebenar.

RUJUKAN

- Abd Jalil bin Borhan. 2014. Islam di Nusantara. Kertas Kerja dalam Kolokium Islam Pahang "Meraikan Ilmu" anjuran Muzium negeri Pahang, Pekan Pahang 18 Mac 2014.
Asmah Hj Omar. 1986. *Bahasa dan alam pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Ghazali Basri.1990. *Christian mission and Islamic da'wah in Malaysia*. Kuala Lumpur : Nurin Enterprise.
- Hashim Musa.1994. *Pengantar falsafah Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- JAKIM. 2013. Garis panduan pelaksanaan ibadah qurban. Putrajaya : Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Jufrizal Zul Amri & Refnaldi. (2007). Hipotesis Sapir-Whorf dan struktur informasi klaus pentopikal bahasa Minangkabau. *Jurnal Linguistika*, 14(26), 1-22.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. 1995. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairuddin Mohamad, Ghazali Ismail & Mastura Mohamed Berawi. 2014. *Sejarah perkembangan bahasa Melayu, perkamusan dan terjemahan*. Puchong : Penerbitan Multimedia.com.
- myant2526.blogspot.[18 Disember 2016]
- Sora.N.2015.<http://www.pengertianku.net/2015/06/pengertian-dialog-dan-contohnya-secara-jelas.html> [27 Jan 2017]
- Swettenham, A Frank. 1889. *Vocabulary of the English and Malay With Notes*. Volume I English – Malay. London : W.B Whittingham & Co.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Ahmad Fuad Mat Hassan. 2011. Bahasa dan pemikiran dalam peribahasa Melayu. *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 11(3) September 2011.
- zultie2.blogspot.my/2009/10/kelebihan-khatam-al-quran.html [29Jan 2017].
- Zurakintan Abdul Razak & Che Ibrahim Salleh. 2015. Pemikiran Melayu tentang ilmu dan adab dalam puisi Melayu tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilization (Iman)* 3(2) 121-129.

